

QNAP TS-210

QNAP TS-210 Turbo NAS adalah penyelesaian storan dua pemacu untuk pengguna yang bekerja di rumah. Menggunakan CPU Marvell 800 MHz CPU dan 256MB DDRII RAM tetapi hanya menggunakan kuasa kurang aripada sebuah PC. Ciri-ciri perkomputran dalam TS-210 ini adalah pelayan NAS termasuk perkhidmatan sasaran iSCSI, replikasi jarak jauh dan storan multimedia untuk dikongsi.

TS-210 mempunyai sebuah port Gigabit LAN dan 3 port USB (1 di hadapan). Ia mempunyai pelayan media dalaman UPnP/ DLNA (dengan TwonkyMedia) yang menyokong juga permainan konsol dan pemain media HD. Ia juga menyediakan beberapa perisian untuk mengendalikan fail, pengendalian storan dan menjadi pelayan web yang boleh dicapai menerusi internet. Selain itu ia juga boleh menjadi penyambung kepada pencetak.

QNAP TS-210 mempunyai banyak ciri-ciri berguna dan ia mudah digunakan walaupun anda bukan pakar dalam mengendalikan pelayan. Pasang NAS ini kepada PC anda atau rangkaian anda secara automatik ia akan bertindak aktif menyambung kepada PC atau rangkaian anda. TS-210 ini boleh terus digunakan selepas 10 minit dipasang kepada PC anda.

Ia memerlukan kuasa operasi dan menunggu yang rendah dan ia mempunyai kipas pintar yang boleh menukar kelajuan dalam 3 tahap kelajuan yang boleh dikendalikan secara automatik atau manual. Kelajuan perpindahan data dari dan kepada TS-210 ini adalah laju terutama anda mengendalikan fail yang besar contohnya fail sebesar 4GB.



Spesifikasi : CPU - Marvell 6281 800MHz; DRAM - 256MB DDRII RAM; Memori Flash - 16MB; HDD 2 x 3.5" SATA I/II; Port LAN - 1 x Gigabit RJ-45 Ethernet port; Penanda LED - USB, Status, HDD1, HDD2, LAN, Power; USB - 3 x USB 2.0 port (depan: 1; belakang: 2) & Bebutang - Kuasa, salinan sekali sentuh dan reset. Harga RM999.00

Rekabentuk 8/10
Ciri-ciri 9/10
Persembahan 9/10
Nilai 8/10
Keseluruhan 8.5/10

Ia juga menyokong sambungan USB yang boleh dipalam terus kepada kotak NAS ini tanpa perlu melalui PC. Ia mempunyai kemudahan salinan secara automatik daripada pemacu USB anda kepada storan NAS itu dengan hanya menekan satu butang sahaja.

